

UMS rancang bina Stesen Penyelidikan Marin di

Pulau Sebatik

UB 7.2.2015 A3

TAWAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam perancangan untuk membina Stesen Penyelidikan Marin di bawah Institut Penyelidikan Marin Borneo di Pulau Sebatik, kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah.

Beliau berkata stesen penyelidikan marin itu akan dibina sebaik sahaja mendapat kelulusan tapak dan peruntukan daripada kerajaan negeri.

Katanya tapak pembinaan projek itu telah dikenal pasti dan pihaknya hari ini meninjau tapak berkenaan bersama-sama Setiausaha Hasil Bumi Sabah Amat Mohd Yusuf serta pegawai-pegawai yang berkaitan.

“Diharapkan agar kelulusan untuk memperoleh tanah itu dipercepatkan supaya aktiviti penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih berkesan,” katanya kepada Bernama selepas menghadiri program jaringan masyarakat UMS dan penduduk Pulau Sebatik, dekat sini kelmarin.

Beliau berkata apabila stesen penyelidikan itu diwujudkan, pelbagai penyelidikan dapat dijalankan di situ merangkumi aspek biologi, ekologi dan kepentingan ekonomi marin di Malaysia. -Bernama